

25 JUL 1998

Anwar - Pelan

PELAKSANAAN PELAN PEMULIHAN DIPERCEPATKAN, KATA ANWAR

BUKIT MERTA JAM, 25 Julai (Bernama) -- Kerajaan akan memastikan pelaksanaan Rancangan Pemulihan Ekonomi Negara di semua peringkat bukan sekadar mengikut jadual tetapi dipercepatkan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Oleh itu, kata beliau, kerajaan memerlukan satu jentera menyeluruh di semua peringkat di samping mengadakan pertemuan mingguan bagi mengikuti dan mengawasi kemajuan pelaksanaan itu.

"Saya diminta oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memastikan pelaksanaan di semua peringkat itu mengikut jadual," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang (JKP) di sini hari ini.

Anwar berkata, beliau telah mengadakan satu perjumpaan baru-baru ini dengan pegawai-pegawai Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan untuk menetapkan jadual bagi semua jabatan, agensi dan kementerian agar tidak ada kelewatan dalam pelaksanaan projek yang ditetapkan kepada mereka.

Katanya, kerajaan akan mengikuti kemajuan pelaksanaan pelan berkenaan dari semasa ke semasa dan mesyuarat pertama untuk tujuan pelaksanaan itu akan diadakan minggu depan.

Dalam Rancangan Pemulihan Ekonomi Negara yang diumumkan Khamis lepas, Majlis Tindakan Ekonomi Negara menggariskan enam objektif sebagai teras utama bagi program pemulihan ekonomi.

Objektif-objektif itu adalah untuk menstabilkan ringgit, mengembalikan keyakinan pasaran, mengekalkan kestabilan pasaran kewangan, mengukuhkan asas-asas ekonomi, meneruskan keseimbangan dan agenda sosio-ekonomi, dan memulihkan sektor-sektor yang terjejas.

Anwar berkata cadangan pemulihan ekonomi secara menyeluruh itu sebahagiannya telah dilaksanakan manakala sebahagian lagi akan diteliti untuk pelaksanaannya.

Katanya, beliau juga mendapati dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, pelaksanaan projek masih tidak memuaskan.

"Sebab itu dalam mesyuarat JKP hari ini saya mengingatkan jabatan-jabatan kerajaan termasuk Pegawai-pegawai Daerah supaya menyegerakan pelaksanaan projek kecil, sederhana dan besar," kata beliau.

Beliau juga berkata, dalam menghadapi masalah ekonomi sekarang, kerajaan menekankan semua jabatan kerajaan termasuk Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sumber Manusia supaya memberikan tumpuan yang lebih dalam bidang latihan dan pendidikan.

-- BERNAMA

SA MAI